

GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEPERLUAN KEMUDAHAN AWAM DALAM PEMBANGUNAN BUKAN KEDIAMAN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEPERLUAN KEMUDAHAN AWAM DALAM PEMBANGUNAN BUKAN KEDIAMAN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

2015

Buku **GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEPERLUAN KEMUDAHAN AWAM DALAM PEMBANGUNAN BUKAN KEDIAMAN** ini diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia.

Tel.: 603-2617 9000 Faks: 603-2698 0460

E-mel: dbkl@dbkl.gov.my Laman Web: www.dbkl.gov.my

Cetakan Pertama 2015

© Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.

No. 46, Jalan 2/108

Taman Salak Jaya

Salak Selatan

57100 Kuala Lumpur

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

KANDUNGAN

	HALAMAN
1.0 TUJUAN	1
2.0 OBJEKTIF	1
3.0 SKOP	1-2
4.0 GARIS PANDUAN UMUM	2-3
5.0 GARIS PANDUAN KHUSUS	3-23
6.0 TARIKH KUAT KUASA	23
7.0 LAMPIRAN	23

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

KEPERLUAN KEMUDAHAN AWAM DALAM PEMBANGUNAN BUKAN KEDIAMAN

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kawalan perancangan bagi menetapkan kemudahan pengurusan/pekerja dalam skim pembangunan bukan kediaman bertingkat.

2.0 OBJEKTIF

- i. Memastikan skim pembangunan bukan kediaman menyediakan kemudahan yang mencukupi, boleh dimanfaatkan dan mesra pengguna.
- ii. Menterjemahkan dasar Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 tentang penyediaan kemudahan bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.

3.0 SKOP

- i. Garis panduan ini merangkumi kemudahan pengurusan/masyarakat serta kemudahan untuk pekerja. Ia tidak termasuk kemudahan tempat letak kenderaan, kemudahan kawasan lapang dan kemudahan infrastruktur serta utiliti (sistem pembentungan, telekomunikasi, elektrik, pelupusan sampah, dan lain-lain).
- ii. Garis panduan ini diguna pakai semasa menilai permohonan kebenaran perancangan.
- iii. Garis panduan ini terpakai untuk semua jenis pembangunan bukan kediaman seperti yang berikut:
 - a. Pusat beli-belah/pasar raya besar
 - b. Bangunan pejabat
 - c. Pusat konvensyen (MICE)
 - d. Hotel

- e. Pangsapuri servis/SOHO
- f. Pusat pameran/Galeri
- g. Restoran/Pusat penjaja/Pasar
- h. Pusat jagaan
- i. Hospital/Klinik
- j. Kelab persendirian
- k. Taman tema
- l. Stesen minyak
- m. Hentian rehat di kawasan lebuhraya
- n. Terminal pengangkutan
- o. Kompleks tempat letak kenderaan
- p. Bangunan kedai yang dijadikan pasar raya

4.0 GARIS PANDUAN UMUM

- i. Semua kemudahan digalakkan untuk disediakan secara berpusat, di kawasan terbuka dan saling berkait. Semua kemudahan, sebaik-baiknya disediakan di aras yang sama, berdekatan antara satu sama lain dan tidak menimbulkan konflik penggunaan.
- ii. Ruang kemudahan hendaklah tidak terhalang oleh struktur bangunan seperti tiang, bagi membolehkan penggunaan yang optimum.
- iii. Ruang kemudahan digalakkan berbentuk fungsian bagi membolehkan susun atur dalaman yang berkesan.
- iv. Semua kemudahan masyarakat tidak digalakkan untuk disediakan di aras bawah tanah dan aras tempat letak kenderaan. Hanya kemudahan bagi tujuan pengurusan dan keselamatan sahaja dibenarkan untuk disediakan di aras ini seperti bilik pengawal keselamatan, kemudahan penyimpanan barang dan aktiviti spa kereta.

- v. Lokasi kemudahan perlu mengambil kira sensitiviti kaum, budaya dan agama.
- vi. Semua jenis kemudahan yang dinyatakan dalam garis panduan ini tidak boleh dikeluarkan hak milik strata (tidak boleh dijual) kecuali dinyatakan sebaliknya.
- vii. Semua kemudahan hendaklah ditempatkan di kawasan tumpuan ramai, boleh dimanfaatkan dan tidak tersorok/terlindung. Ruang kemudahan hendaklah mempunyai akses, iaitu laluan pejalan kaki yang lebar dan berbumbung serta dilengkapi petunjuk arah yang jelas dan mencukupi.
- viii. Bangunan kemudahan yang disediakan secara berasingan tidak digalakkan menggunakan struktur berbentuk kabin/ yang boleh alih.
- ix. Kemudahan ruang menunggu hendaklah jenis berbumbung bagi melindungi daripada hujan dan panas.
- x. Setiap jenis kemudahan yang disediakan adalah digalakkan dilengkapi dengan CCTV/sistem kawalan keselamatan berpusat.
- xi. Ruang aktif seperti kafe, kios, ruang rehat, bilik solat, pejabat pengurusan, dan lain-lain digalakkan penyediaannya di tingkat bawah.

- xii. Kemudahan yang disediakan hendaklah dilengkapi dengan pencahayaan yang mencukupi.
- xiii. Reka bentuk bangunan perlu mengambil kira keperluan kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU).

5.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

i. PUSAT BELI-BELAH/PASAR RAYA BESAR

a. Bilik solat

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 50,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Luas minimum ialah 600 kaki persegi; untuk bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk (sila rujuk jadual).
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

Bil.	Ruang lantai pusat beli-belah (kaki persegi)	Keluasan bilik solat (kaki persegi)
1.	50,000 – 100,000	600
2.	100,001 – 150,000	800
3.	150,001 – 200,000	1,000
4.	Melebihi 200,000	1,200

b. Ruang penjaja

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Digalakkan penyediaannya di aras bawah hingga tingkat 2 sahaja.
- Disediakan dengan keluasan 2% bagi setiap 100,000 kaki persegi hingga keluasan maksimum sebanyak 8,000 kaki persegi.

c. Ruang menunggu teksi

- Sebaik-baiknya disediakan di dalam tapak pembangunan.
- Dilengkapi dengan pondok menunggu yang mempunyai reka bentuk yang disesuaikan dengan cadangan pembangunan.
- Dihubungkan dengan laluan pejalan kaki berbumbung yang bersambung dengan bangunan utama.

d. Bilik menyusu/Bilik persalinan bayi

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 50,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Luas minimum ialah 200 kaki persegi bagi setiap 50,000 kaki persegi ruang lantai (sila rujuk jadual).
- Dilengkapi singki, kemudahan air panas, kiosk menyusu dan ruang menukar lampin.

e. Pusat jagaan kanak-kanak (Taska)

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Luas minimum ialah 400 kaki persegi.

Bil.	Ruang lantai pusat beli-belah (kaki persegi)	Keluasan bilik menyusu/Bilik persalinan bayi (kaki persegi)
1.	50,000 – 100,000	200
2.	100,001 – 150,000	300
3.	150,001 – 200,000	400
4.	Melebihi 200,000	500

f. Ruang permainan kanak-kanak (Digalakkan)

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Dilengkapi alat permainan asas (gelongsor, buaian, dan lain-lain).
- Keluasan minimum ialah 1,000 kaki persegi.
- Disediakan di dalam bangunan dan ditempatkan di aras utama.

g. Ruang kemudahan mesin ATM (Digalakkan)

- Keluasan minimum ialah 50 kaki persegi (5' x 10').
- Lokasinya tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- Disediakan di aras utama dan di kawasan tumpuan ramai.

ii. BANGUNAN PEJABAT

a. Bilik solat

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 50,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Luas minimum ialah 400 kaki persegi; untuk bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk (sila rujuk jadual).
- Tidak perlu dibuatkan dinding pemisah kekal. Boleh gunakan langsir/dinding sekat boleh alih sahaja sebagai pemisah.

Bil.	Ruang lantai bangunan pejabat (kaki persegi)	Keluasan bilik solat (kaki persegi)
1.	50,000 – 100,000	400
2.	100,001 – 150,000	500
3.	150,001 – 200,000	600
4.	Melebihi 200,000	800

- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Ruang penjaja

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Digalakkan penyediaannya di tingkat bawah hingga tingkat 2.
- Disediakan dengan keluasan 2% bagi setiap 100,000 kaki persegi hingga keluasan maksimum sebanyak 8,000 kaki persegi.

c. Pusat jagaan kanak-kanak (Taska)

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).

- Luas minimum ialah 400 kaki persegi.

d. Ruang menunggu teksi

- Sebaik-baiknya disediakan di dalam tapak pembangunan.
- Dilengkapi dengan pondok menunggu yang mempunyai reka bentuk yang disesuaikan dengan cadangan pembangunan.
- Dihubungkan dengan laluan pejalan kaki berbumbung yang bersambung dengan bangunan utama.

e. Bilik menyusu/Bilik persalinan bayi

- Kemudahan ini disediakan untuk cadangan bangunan pejabat melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi yang berorientasikan pelanggan. Contohnya, bangunan Perkeso, KWSP, JPJ, DBKL.
- Luas minimum ialah 100 kaki persegi.
- Dilengkapi singki dan kemudahan air panas.

- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras lobi/ruang menunggu.
- Digalakkan bersebelahan dengan ruang taska.

f. Ruang rekreasi pekerja (Digalakkan)

- Kemudahan ini disediakan untuk cadangan ibu pejabat syarikat. Disediakan sebagai ruang riadah pekerja dan mesyuarat Persatuan Pekerja.
- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Disediakan dengan keluasan sekurang-kurangnya 400 kaki persegi.



g. Bilik rawatan (Digalakkan)

- Kemudahan ini disediakan untuk cadangan bangunan pejabat melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi yang berorientasikan pelanggan. Contohnya, bangunan Perkeso, KWSP, JPJ, DBKL.
- Luas minimum ialah 100 kaki persegi dan dilengkapi dengan kemudahan katil, tandas serta alat pertolongan cemas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di tingkat bawah bangunan.

h. Ruang kemudahan mesin ATM dalam kompleks (Digalakkan)

- Kemudahan ini disediakan untuk cadangan bangunan pejabat yang berorientasikan pelanggan. Contohnya, bangunan Perkeso, KWSP, JPJ, DBKL.
- Keluasan minimum ialah 50 kaki persegi (5' x 10').



- Lokasinya tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- Disediakan di aras utama dan di kawasan tumpuan ramai.

iii. PUSAT KONVENSyen (MICE)

a. Bilik solat

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Luas minimum ialah 2,000 kaki persegi; untuk bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Bilik menyusu/Bilik persalinan bayi

- Disediakan untuk pembangunan yang melibatkan ruang lantai berkeluasan 100,000 kaki persegi ke atas (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Luas minimum ialah 100 kaki persegi.
- Dilengkapi singki dan kemudahan air panas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama.

c. Ruang komersil - kios/kafé/kedai (Digalakkan)

- Ruang komersil disediakan sebagai kemudahan tambahan seperti kios makanan, kedai serba guna dan kedai alat tulis.
- Hak milik strata boleh dikeluarkan untuk ruang komersil ini.

d. Bilik rawatan (Digalakkan)

- Luas minimum ialah 200 kaki persegi dan dilengkapi dengan kemudahan katil, tandas serta alat pertolongan cemas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama.

- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

iv. HOTEL DENGAN MINIMUM 50 BILIK (TIDAK TERMASUK HOTEL BAJET)

a. Bilik solat

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi.
- Luas maksimum ialah 400 kaki persegi; untuk bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk (sila rujuk jadual).
- Sebaik-baiknya ditempatkan sama aras dengan bilik seminar/konvensyen/mesyuarat.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.

Bil.	Bilangan bilik	Keluasan bilik solat (kaki persegi)
1.	50 – 100	100
2.	101 – 200	200
3.	201 – 300	300
4.	Melebihi 300	400

b. Hentian sebelah untuk bas (*Lay-by-bus*)

- Disediakan di dalam tapak pembangunan.
- Diperlukan untuk hotel yang mempunyai 100 bilik dan ke atas.

Nota: Bagi tapak yang terhad keluasannya boleh dibenarkan menggunakan kawasan rizab jalan atau sekiranya tidak menjejaskan kelancaran lalu lintas.

**c. Tempat menurunkan penumpang bas/kereta
(Drop-off)**

- Disediakan bagi tujuan mengambil dan menurunkan penumpang sahaja.
- Boleh disediakan dalam jarak 50 meter dari bangunan hotel dengan mematuhi kehendak JPIF.
- Diperlukan untuk hotel yang mempunyai 50 bilik dan ke atas.
- Bagi pembangunan hotel yang berhadapan dengan jalan utama dan di deretan rumah kedai, *drop-off* tidak perlu disediakan sekiranya *lay-by* telah disediakan.

d. Ruang menunggu teksi

- Tertakluk kepada keperluan oleh JPIF.
- Sebaik-baiknya disediakan di dalam tapak pembangunan.
- Dilengkapi dengan pondok menunggu yang mempunyai reka bentuk yang disesuaikan dengan cadangan pembangunan.
- Disediakan untuk hotel yang mempunyai 200 bilik dan ke atas.

v. PANGSAPURI SERVIS/SOHO

a. Bilik solat

- 50 – 100 unit = 100 kaki persegi
- 101 – 200 unit = 200 kaki persegi
- 201 – 400 unit = 300 kaki persegi
- Melebihi 400 = 400 kaki persegi

b. Taska

- 100 – 200 unit = 400 kaki persegi
- Melebihi 200 = 600 kaki persegi

c. Dewan/Bilik mesyuarat

- 100 – 200 unit = 400 kaki persegi
- Melebihi 200 = 600 kaki persegi

d. Pejabat pengurusan

- 100 – 200 unit = 200 kaki persegi
- Melebihi 200 = 400 kaki persegi

vi. PUSAT PAMERAN/GALERI (BANGUNAN SESEBUAH)

a. Ruang menyambut tetamu

b. Bilik solat

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

c. Hentian sebelah untuk bas/Tempat menurunkan penumpang (Digalakkan)

- Disediakan di dalam/berhampiran tapak pembangunan.

d. Ruang komersil - kios/kafé/kedai (Digalakkan)

- Luas lantai tidak boleh melebihi 10% daripada luas lantai bersih keseluruhan (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Disediakan di dalam bangunan yang sama (tidak boleh disediakan secara berasingan).

e. Bilik rawatan (Digalakkan)

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi dan dilengkapi dengan kemudahan katil, tandas serta alat pertolongan cemas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama/ di kawasan tumpuan ramai.

vii. RESTORAN/PUSAT PENJAJA/PASAR (BANGUNAN SESEBUAH)

a. Bilik solat (Digalakkan)

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

viii. PUSAT JAGAAN (BANGUNAN SESEBUAH)

a. Bilik solat

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.

- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Bilik rawatan (Digalakkan)

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi dan dilengkapi dengan kemudahan katil, tandas serta alat pertolongan cemas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama/ di kawasan tumpuan ramai.

ix. HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN/KLINIK (BANGUNAN SESEBUAH)

a. Bilik solat

- Diperlukan bagi bangunan berkeluasan melebihi 50,000 kaki persegi dan ke atas tidak termasuk ruang letak kereta.
- Luas minimum ialah 100 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk. Keluasan sebenar bergantung pada skala pembangunan.

- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Bagi pembangunan berskala besar, kemudahan surau digalakkan disediakan dalam bentuk bangunan sesebuah.

- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Bilik menyusu/Bilik persalinan bayi

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi.
- Dilengkapi singki dan kemudahan air panas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras lobi/ ruang menunggu.

c. Ruang kemudahan mesin ATM (Digalakkan bagi pembangunan hospital atau pusat perubatan berskala besar)

- Keluasan minimum ialah 50 kaki persegi (5' x 10').
- Lokasinya tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- Disediakan di aras utama dan di kawasan tumpuan ramai.

d. Ruang komersil - kios/kafé/kedai (Digalakkan)

- Luas lantai tidak boleh melebihi 5% daripada luas lantai bersih keseluruhan (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Disediakan di dalam bangunan yang sama (tidak boleh disediakan secara berasingan). Kemudahan ini hanya untuk menampung keperluan pekerja dan pelawat sahaja dan tidak terbuka kepada orang luar.

Nota: Hak milik strata boleh dikeluarkan untuk ruang komersil ini.

e. Ruang menunggu teksi (Digalakkan bagi pembangunan hospital atau pusat perubatan berskala besar)

- Sebaik-baiknya disediakan di dalam tapak pembangunan.
- Dilengkapi dengan pondok menunggu yang mempunyai reka bentuk yang disesuaikan dengan cadangan pembangunan.
- Dihubungkan dengan laluan pejalan kaki berbumbung yang bersambung dengan bangunan utama.

x. KELAB PERSENDIRIAN (BANGUNAN SESEBUAH)

a. Bilik solat (mengikut kesesuaian)

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.

- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Ruang komersil - kios/kafé/kedai (Digalakkan)

- Luas lantai tidak boleh melebihi 5% daripada luas lantai bersih keseluruhan (tidak termasuk tempat letak kenderaan dan servis).
- Disediakan di dalam bangunan yang sama (tidak boleh disediakan secara berasingan). Kemudahan ini hanya untuk menampung keperluan pekerja dan ahli kelab sahaja dan tidak terbuka kepada orang luar.

Nota: Hak milik strata boleh dikeluarkan untuk ruang komersil ini.

xi. TAMAN TEMA KHUSUS

a. Bilik solat

- Luas minimum ialah 400 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.



- Digalakkan dalam bentuk bangunan sesebuah dengan reka bentuk tipikal sebuah surau.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Bilik menyusu/Bilik persalinan bayi

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi.
- Dilengkapi singki dan kemudahan air panas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama/ di kawasan tumpuan ramai.

c. Bilik rawatan

- Luas minimum ialah 200 kaki persegi dan dilengkapi dengan kemudahan katil, tandas serta alat pertolongan cemas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama/ di kawasan tumpuan ramai.

d. Ruang menunggu teksi

- Sebaik-baiknya disediakan di dalam tapak pembangunan.
- Lengkap dengan pondok menunggu yang mempunyai reka bentuk yang bersepadu dengan cadangan pembangunan.
- Dihubungkan dengan laluan pejalan kaki berbumbung yang bersambung dengan bangunan utama.

e. Hentian sebelah untuk bas (*Lay-by-bus*)

- Sebaik-baiknya disediakan di dalam tapak pembangunan.

f. Ruang kemudahan mesin ATM (Digalakkan)

- Keluasan minimum ialah 50 kaki persegi (5' x 10').
- Lokasinya tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- Disediakan di aras utama dan di kawasan tumpuan ramai.

g. Bilik persalinan (Digalakkan)

- Bergantung pada jenis aktiviti yang disediakan.

xii. STESEN MINYAK

a. Bilik solat

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Digalakkan disediakan di bahagian hadapan atau di tempat yang boleh dilihat dari laluan utama.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Digalakkan dalam bentuk bangunan sesebuah dengan reka bentuk tipikal sebuah surau.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Reka bentuk bilik air

- Penyediaan reka bentuk yang dapat memberikan pengudaraan semula jadi digalakkan.

xiii. BANGUNAN HENTIAN REHAT DI KAWASAN LEBUH RAYA (Tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh LLM)

a. Bilik solat

- Luas minimum ialah 200 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Digalakkan dalam bentuk bangunan sesebuah dengan reka bentuk tipikal sebuah surau.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

- Jalan susur/hentian sebelah.
- Memastikan jalan susur/hentian sebelah tidak menjejaskan lalu lintas di laluan utama.

b. Bilik rawatan (Digalakkan)

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi dan dilengkapi dengan kemudahan katil, tandas serta alat pertolongan cemas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama/ di kawasan tumpuan ramai.

c. Ruang kemudahan mesin ATM (Digalakkan)

- Keluasan minimum ialah 50 kaki persegi (5' x 10').
- Lokasinya tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- Disediakan di aras utama dan di kawasan tumpuan ramai.

d. Ruang komersil - kios/kafé/kedai (Digalakkan)

- Terhad kepada perniagaan yang menjual makanan, buah-buahan dan cenderamata.
- Disediakan di tempat yang sesuai mengikut jenis aktiviti.

xiv. TERMINAL PENGANGKUTAN

a. Bilik solat

- Luas minimum ialah 400 kaki persegi bagi setiap bilik solat lelaki dan perempuan – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Dinding pemisah disediakan di antara bilik solat lelaki dan perempuan.
- Digalakkan dalam bentuk bangunan sesebuah dengan reka bentuk tipikal sebuah surau.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Bilik rawatan

- Luas minimum ialah 200 kaki persegi dan dilengkapi dengan kemudahan katil, tandas serta alat pertolongan cemas.
- Sebaik-baiknya ditempatkan di aras utama/ di kawasan tumpuan ramai.

c. Ruang menunggu bas dan teksi

- Disediakan di dalam tapak pembangunan.
- Dilengkapi dengan pondok menunggu yang mempunyai reka bentuk yang disesuaikan dengan cadangan pembangunan.
- Dihubungkan dengan laluan pejalan kaki berbumbung yang bersambung dengan bangunan utama.

d. Tempat menurunkan penumpang bas/kereta (Drop-off)

- Disediakan bagi tujuan mengambil dan menurunkan penumpang sahaja.
- Boleh disediakan dalam jarak 50 meter dari bangunan terminal dengan mematuhi kehendak JPIF.

e. Ruang komersil - kios/kafé/kedai (Digalakkan)

- Luas lantai tidak boleh melebihi 10% daripada luas lantai kasar keseluruhan (tidak termasuk luas lantai tempat letak kenderaan).
- Disediakan bagi menampung keperluan pengguna terminal sahaja dan tidak direka bentuk untuk keperluan orang luar.

Nota: Hak milik strata boleh dikeluarkan untuk ruang komersil ini.

f. Ruang kemudahan mesin ATM (Digalakkan)

- Keluasan minimum ialah 50 kaki persegi (5' x 10').
- Lokasinya tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- Disediakan di aras utama dan di kawasan tumpuan ramai.

xv. BANGUNAN KEDAI YANG DIJADIKAN PASAR RAYA (MINIMUM 3 UNIT KEDAI 3 TINGKAT YANG DICANTUMKAN ATAU LUAS LANTAI KASAR YANG MELEBIHI 12,000 KAKI PERSEGI)

a. Bilik solat

- Luas minimum ialah 100 kaki persegi – luas lantai adalah termasuk ruang wuduk.
- Lokasi bilik solat disesuaikan dengan arah kiblat.
- Mematuhi spesifikasi ruang wuduk seperti dalam lampiran*.

b. Kawasan memuat dan memunggah

- Ditempatkan di bahagian belakang bangunan dan tidak menghadap jalan utama.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2015**.

7.0 LAMPIRAN*

Spesifikasi Ruang Wuduk

- Ruang wuduk diasingkan untuk lelaki dan perempuan
- Perlu dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 2 paip air
- Tidak ditempatkan di hadapan bilik solat
- Bersambung dengan bilik solat
- Terasing daripada bilik air awam

SENARAI BUKU GARIS PANDUAN:

- i. Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan
- ii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Taska
- iii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika
- iv. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Nisbah Plot
- v. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Hotel Bajet
- vi. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Tuisyen
- vii. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kawasan *Plinth*
- viii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang
- ix. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Pondok Pengawal
- x. Garis Panduan Perancangan Penyediaan *Perimeter Planting*
- xi. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kepadatan Penduduk
- xii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan
- xiii. Garis Panduan Perancangan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
- xiv. Garis Panduan Perancangan Penamaan Bangunan dan Taman Perumahan
- xv. Garis Panduan Perancangan Insentif Pembangunan di Kawasan Rizab Melayu
- xvi. Garis Panduan Perancangan Penerapan Elemen Bandar Selamat Dalam Penilaian Perancangan
- xvii. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Permohonan Kebenaran Perancangan
- xviii. Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit
- xix. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kemudahan Awam Dalam Pembangunan Bukan Kediaman
- xx. Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- xxi. Garis Panduan Perancangan Keperluan Anjakan Bangunan Kediaman Bertanah (Banglo, Berkembar dan Teres)
- xxii. Garis Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Penduduk Dalam Skim Pembangunan Kediaman Bertingkat
- xxiii. Garis Panduan Perancangan Peratusan Unit Kecil Bagi Pembangunan Kediaman dan Pembangunan Komersil Bercirikan Kediaman
- xxiv. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Pemasangan Menara Telekomunikasi di Atas Tanah di Bawah Kawalan DBKL
- xxv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Perumahan Berkepadatan Rendah (Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara)